

SIARAN MEDIA MENTERI KEWANGAN MALAYSIA YB TUAN LIM GUAN ENG

SETAKAT INI RM925 JUTA DANA BERKAITAN 1MDB SUDAH DIKEMBALIKAN



Setakat ini RM925 juta dana berkaitan 1MDB sudah dikembalikan

Sebanyak RM925 juta dana berkaitan 1MDB dikembalikan setakat ini kepada Kementerian Kewangan, hasil usaha pihak berkuasa negara. Pihak berkuasa negara, termasuk Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), dan Jabatan Peguam Negara, berserta dengan kerjasama pihak berkuasa luar negara, sedang meneruskan usaha agar dana yang diselewengkan dapat dikembalikan untuk membayar balik hutang 1MDB berjumlah lebih RM51 bilion, termasuk faedah pinjaman akan datang, yang dijamin oleh Kerajaan Persekutuan.

Setakat ini, jumlah keseluruhan dana berkaitan 1MDB yang berjaya didapatkan kembali adalah berjumlah RM925.1 juta (termasuk RM6.1 juta yang dipulangkan kepada Yayasan 1MDB) dalam mata wang pelbagai denominasi. Pecahan dana tersebut adalah seperti berikut:

Negara sumber	Jumlah (RM)
Singapura	92.3 juta
Amerika Syarikat Park Lane Hotel, Manhattan – RM567.8 juta Syarikat Pembikinan Filem Red Granite – RM238 juta	805.8 juta
Malaysia kepada Yayasan 1MDB – RM6.1 juta kepada 1MDB – RM20.9 juta	27.0 juta
Jumlah	925.1 juta

Organisasi dan parti-parti politik Barisan Nasional (BN) seperti UMNO, MCA, dan SUPP telah menerima dana yang berpunca daripada 1MDB. Kini akaun bank parti-parti politik tersebut telah pun dibekukan oleh SPRM, dalam usaha mendapatkan kembali dana tersebut.

Harus ditekankan bahawa jumlah RM6.1 juta yang diterima kembali oleh Yayasan 1MDB adalah daripada pelbagai pihak. Akan tetapi, Yayasan 1MDB belum lagi menerima sebarang bayaran daripada Koperasi Jayadiri Malaysia Berhad (Kojadi). Baru-baru ini, SPRM telah mengambil tindakan membekukan akaun bank Kojadi yang berkenaan.

Pada 16 Ogos 2012, satu perjanjian Financial Grant antara Yayasan 1MDB dan Kojadi untuk jumlah sebanyak RM15 juta telah ditandatangani. Selepas itu, dana sebanyak RM15 juta telah diberikan kepada Kojadi oleh Yayasan 1MDB seperti berikut:

Tarikh	Jumlah dibayar
17 Ogos 2012	RM 5 juta
22 Okt 2012	RM 5 juta
15 Mac 2013	RM 5 juta
Jumlah	RM 15 juta

Jelas sekali, Kojadi dipengaruhi oleh parti politik MCA. Campur tangan MCA dalam urusan Kojadi disahkan sendiri oleh Pengerusi Kojadi, Datuk Ng Peng Hay, yang juga seorang bekas ADUN MCA dari Melaka. Kojadi perlu mengambil iktibar daripada usaha berani Pengerusinya untuk memulangkan semula wang kepada Yayasan 1MDB demi membersihkan nama Kojadi.

Pada akhir bulan Jun, Pengerusi Kojadi menyatakan beliau dihalang oleh Presiden MCA daripada usaha memulangkan RM15 juta kepada Yayasan 1MDB. Pada 3 Julai 2019, SPRM telah membekukan akaun bank Kojadi yang berkenaan. Pada 9 Julai, Pengerusi Kojadi digantung jawatannya oleh Lembaga Pengarah Kojadi akibat tindakan beliau yang jujur. Komitmen Pengerusi Kojadi untuk melakukan perkara yang betul dengan berusaha memulangkan wang kepada Yayasan 1MDB, sungguhpun berhadapan dengan pelbagai tindakan ke atasnya, harus dipuji.

Harus ditegaskan bahawa dana berjumlah RM925 juta di atas tidak termasuk hasil jualan Kapal Equanimity kepada Genting Malaysia Bhd sebanyak USD126 juta (kira-kira RM527.4 juta). Hasil jualan tersebut telah diterima sepenuhnya pada 23 April 2019 dan kini disimpan di dalam Sheriff's Stakeholder Account (dalam sebuah syarikat guaman terkemuka di Malaysia) untuk tempoh tiga bulan bagi tujuan penyesuaian dengan tuntutan perbelanjaan penyelenggaraan kapal yang akan ditentukan melalui Perintah Mahkamah.

Baki hasil jualan setelah ditolak jumlah perbelanjaan yang terlibat dijangka akan didepositkan ke dalam Recovery Account milik 1MDB atau Kementerian Kewangan pada bulan Ogos 2019. Bila diterima USD126 juta ini kelak, wang dana ini akan digunakan untuk melunaskan sebahagian daripada hutang 1MDB.

Sayangi Malaysiaku!

Lim Guan Eng

Menteri Kewangan
Kementerian Kewangan Malaysia
Putrajaya

12 Julai 2019

Like Be the first of your friends to like this.